

## BEKAS PLASTIK BEBAS KIMIA

Plastik diperbuat daripada hidrokarbon yang terhasil daripada petroleum dan gas asli. Ramai yang menyangka semua barangan diperbuat daripada plastik sama.

Sebenarnya, setiap barangan plastik seperti alat permainan, perkakas, beg dan bekas makanan berbeza berdasarkan kaedah pemrosesan yang menggabungkan banyak bahan kimia.

Segelintir plastik juga berbahaya apabila ia melepaskan toksin terutama apabila dipanaskan (dikenakan haba tinggi) atau terdedah kepada cahaya matahari dalam jangka panjang.

Oleh itu, plastik yang digunakan untuk menghasilkan bekas makanan dan minuman menggunakan bahan piawaian lebih tinggi daripada barangan plastik lain.

Terdapat peraturan ketat mengenai penggunaan plastik dalam pembuatan bekas makanan dan minuman apabila ia perlu



**HOW**

menggunakan bahan yang mempunyai kualiti gred makanan yang disahkan Pentadbiran Makanan dan Ubatan (FDA).

Plastik gred makanan mesti mematuhi piawaian tertentu mengenai kandungannya apabila ia tidak boleh mengandungi pewarna celup, pengawet atau bahan plastik kitar semula yang berbahaya kepada manusia.

ia boleh mengandungi material kitar semula asalkan bahan terbabit mematuhi garis panduan dan peraturan ditetapkan pihak berkuasa.



**BEKAS makanan plastik mesti selamat dan bebas kimia berbahaya.**

Pengarah Creative Mega Network (CMN) Malaysia, How Kam Chiong berkata, bahan kimia yang paling dikhuatiri adalah Bisphenol A (BPA) yang banyak digunakan dalam produk plastik. Makanan dan minuman boleh tercemar dengan bahan kimia berbahaya itu

yang dilepaskan daripada bekas makanan plastik serta mampu menjejaskan kesihatan manusia dalam jangka panjang.

"Bekas makanan plastik tidak selamat boleh mengubah warna, bau dan rasa makanan akibat sudah berinteraksi dengan bahan kimia. Pengguna

mempunyai pilihan dengan memilih bekas makanan yang diakui selamat menerusi simbol nombor kod pada barangan plastik," katanya.

Menurutnya, CMN memperkenalkan bekas makanan dan minuman plastik premium dengan jenama Moorlife untuk

kegunaan isi rumah yang diuji dan terbukti selamat. Setiap barangan plastik melalui proses kawalan kualiti yang ketat dan diperbuat daripada bahan gred makanan yang diiktiraf pihak berkuasa.

"Semua produk plastik mempunyai simbol nombor kod dari 1 hingga 7. Angka ini sebagai petunjuk jenis bahan kimia yang digunakan dalam penghasilan produk plastik berkenaan. Pengguna boleh mengenal pasti bekas plastik yang selamat digunakan untuk penyimpanan makanan menerusi nombor kod itu.

"Pilihan terbaik untuk bekas plastik sebagai tempat menyimpan makanan dan minuman adalah simbol kod dengan angka 5 menunjukkan ia daripada bahan Polypropylene (PP) yang mempunyai kemampuan mencegah tindak balas kimia antara kemasan plastiknya dengan minuman atau makanan yang diisi di dalamnya," katanya.